

Penggunaan Modul Psikospiritual Terhadap Kesejahteraan Spiritual Remaja Delinkuen: Satu Kajian Eksperimental

Hamizah Muhammad^{1*}, Nor Shakirah Mohd Sakari², Sh Marzety Adibah Al Sayed Mohamad³, & Che Zuina Ismail⁴

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun
Email: hamizahmuhammad@uitm.edu.my

² Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu
shakirahsakari@yahoo.com.my

³ Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak Daerah Kuala Terengganu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia
chezu270@uitm.edu.my

*Corresponding Author

E-JITU

Acceptance date:
15th January 2022

Valuation date:
15th March 2022

Publication date:
29th May 2022

Abstrak: Tingkah laku delinkuen merupakan satu tingkah laku sosial yang menyimpang dari norma masyarakat. Tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja dikaitkan dengan pengabaian elemen kesejahteraan spiritual dalam diri mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan modul psikospiritual terhadap kesejahteraan spiritual remaja yang terlibat dengan tingkah laku delinkuen. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen kumpulan kawalan ujian pra dan pasca tidak serupa (*non-equivalent pre and post-test control group design*). Seramai 72 orang remaja delinkuen dari Sekolah Tunas Bakti dan Asrama Akhlak di negeri Terengganu terlibat dalam kajian. Soal selidik *Spiritual Well-Being Scale (SWBS)* digunakan bagi mengukur kesejahteraan spiritual remaja delinkuen sebelum dan juga selepas Modul Psikospiritual diberikan. Kajian ini menggunakan ujian-t berpasangan dan ujian -t tidak bersandar bagi mengukur keberkesanan modul. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan sebelum dan selepas Modul Psikospiritual diberikan dan Terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Dapatan kajian menunjukkan Modul Psikospiritual berkesan secara signifikan untuk meningkatkan kesejahteraan spiritual remaja delinkuen.

Kata kunci: psikospiritual, remaja, delinkuen, kesejahteraan spiritual, kuasi eksperimen

The Use of Psychospiritual Module on the Spiritual Well -Being of Delinquent Adolescents: An Experimental Study

Abstract: Delinquent behavior is a social behavior that deviates from societal norms. Delinquent behavior among adolescents is associated with neglect of elements of spiritual well -being within them. Therefore, this study aimed to identify the effectiveness of the use of psychospiritual module on the spiritual well -being of adolescents involved with delinquent behavior. This study uses a quasi-experimental design of non-equivalent pre and post-test control group design. A total of 72 delinquent adolescents from Sekolah Tunas Bakti and Asrama Akhlak in the state of Terengganu

were involved in the study. The Spiritual Well-Being Scale (SWBS) questionnaire was used to measure the spiritual well-being of delinquent adolescents before and also after the Psychospiritual Module was given. This study uses paired t-test and independent t-test to measure the effectiveness of the module. The findings of the study showed that there were differences before and after the Psychospiritual Module was given and There were significant differences between the treatment group and the control group. The findings of the study show that the Psychospiritual Module is significantly effective in improving the spiritual well -being of delinquent adolescents.

Keywords: psychospiritual, adolescent, delinquent, spiritual well -being, quasi -experimental

1. Pendahuluan

Golongan muda atau remaja merupakan bakal pemimpin sesebuah negara. Kekuatan dan kelemahan sesuatu bangsa dan negara sangat bergantung kepada remaja yang merupakan tonggak dan pewaris kesinambungan pembangunan dan kesejahteraan negara (Fauziah, Norulhuda, Khadijah, Mohd Suhaimi, Noremy & Salina, 2012). Namun begitu, semakin hari semakin ramai remaja kita terjebak dengan permasalahan sosial seperti terlibat dengan tingkah laku delinkuen. Fenomena ini dilihat sebagai satu gejala yang merebak dengan cepat dalam kalangan remaja seiring dengan arus kemodenan dan teknologi sesebuah negara (Husain, Mohamad & Sakari, 2016). Tingkah laku delinkuen boleh bermula dari tingkah laku kurang serius seperti keganasa di sekolah, ponteng sekolah, merokok dan vandalisme kepada jenayah yang lebih serius seperti mencuri, merompak, penyalahgunaan dadah, merogol dan menggunakan senjata (Choon, Hasbullah, Ahmad, & Ling, 2013).

Berdasarkan statistik oleh Polis Diraja Malaysia (RMP), keterlibatan remaja Malaysia dalam masalah delinkuensi menunjukkan peningkatan kes dari tahun 2015 hingga 2017, dan menurun perlahan mulai tahun 2018 serta 2019. Walau bagaimanapun, jumlah yang dicatatkan masih tinggi. Laporan statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (RMP) menunjukkan bahawa 7985 remaja yang dikenal pasti terlibat dalam jenayah pada tahun 2016 dan terus meningkat menjadi 8560 pada tahun 2017. Jumlah itu kemudian menunjukkan sedikit penurunan kepada 6813 dan 6510 masing-masing untuk tahun 2018 dan 2019. Jenis jenayah yang dilakukan oleh remaja seperti jenayah berkaitan harta benda dan jenayah yang berkaitan dengan orang. Walaupun jumlah kes yang dilaporkan berkurangan, jumlah kes tersebut bukanlah angka yang dapat dipandang ringan kerana angka tersebut tidak termasuk kes yang tidak dilaporkan. Oleh itu, ada kemungkinan bahawa lebih ramai remaja yang terlibat dengan tingkah laku delinkuen. Sekiranya masalah ini berlanjutan, ia boleh membazirkan sumber manusia, kerana para remaja merupakan sebahagian besar dari populasi rakyat sesebuah negara yang seharusnya bersedia menjadi pemimpin masa depan negara.

Menerusi penelitian literatur-literatur, ditemukan antara masalah yang biasa wujud dalam diri remaja-remaja delinkuen ini ialah rendahnya tahap kesejahteraan spiritual mereka (Ghadampoor, Mirdrikvand & Moradizadeh, 2019; Kermen, 2018; Mohd. Nuri, Turiman, Azimi, & Ismi, 2016; Azzyati, Fariza, & Salasiah Hanin, 2013; Zakariah, 2013; Siti Aishah & Sidar, 2016). Memiliki tahap kesejahteraan spiritual yang rendah merupakan satu musibah yang besar bagi seorang remaja dalam menempuh perjalanan kehidupan mereka sehari-harian. Maka tidak hairanlah pada akhirnya mereka tergelincir ke dalam gejala sosial yang tidak berkesudahan ini.

Memiliki kesejahteraan spiritual yang tinggi menjadikan seseorang itu lebih berkuasa dan menyedari bahawa walaupun mereka mempunyai masalah, tekanan, dan cabaran, mereka tidak dipengaruhi oleh keadaan ini (Casa Palmera, 2012). Kesedaran ini memberikan jalan bagi kedamaian, kebebasan ekspresi diri, dan harga diri yang lebih tinggi. Justeru, apabila seseorang memiliki tahap kesejahteraan spiritual yang rendah, sudah tentu segala tindak-tanduk mahupun kata-katanya disalurkan dalam keadaan negatif. Antara contoh kajian yang membentangkan fakta bahawa rendah tahap kesejahteraan spiritual mempunyai kaitan dengan keterlibatan para remaja dalam tingkah delinkuensi adalah kajian Mohd Nuri et al. (2016), Zakariah (2013), Awang Drahman, Abidin Lubis, dan Hamzah (2017), dan Nur Adliza, Atia Faranajwa, dan Revathi (2018).

Oleh itu, pengkaji melihat adalah satu keperluan untuk para remaja delinkuen ini dibantu dalam meningkatkan kembali tahap kesejahteraan spiritual dalam diri mereka. Terdapat pelbagai intervensi yang boleh diberikan kepada remaja delinkuen. Namun begitu, penggunaan psikospiritual dalam menangani permasalahan sosial dan juga kesejahteraan dalaman manusia semakin mendapat perhatian. Menurut Lukoff, Turner, dan Lu (1993) spiritual atau kerohanian merupakan aspek yang penting untuk kesejahteraan seseorang. Kajian-kajian yang dijalankan oleh penyelidik sebelum ini mengesahkan bahawa kesejahteraan spiritual menyumbang kepada penurunan kadar tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja (Intan Farhana & Siti Nabilah, 2018; Mohd. Nuri et al., 2016; Zainab Mahirah & Nik Suryani, 2012; Scales, Syvertsen, Benson, Roehlkepartain & Sesma, 2014; Nasser, 2013; Muhammad Japar & Purwati, 2014). Memiliki kesejahteraan spiritual yang kukuh mampu menjadi perisai buat remaja daripada terlibat dalam tingkah laku delinkuen. Justeru, kajian ini menggunakan modul psikospiritual bagi meningkatkan kesejahteraan spiritual remaja delinkuen.

2. Metodologi Kajian

Kaedah kuasi eksperimen menerusi kaedah kumpulan kawalan ujian pra dan pasca tidak serupa (*non-equivalent pre and post test control group design*) digunakan dalam kajian ini. Ianya merupakan satu kaedah penyelidikan kuantitatif yang melibatkan ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan bagi membandingkan skor dalam kedua-dua kumpulan sebelum rawatan diberikan dan selepas rawatan diberikan (Campbell & Stanley, 1963; Creswell, 2014). Peserta kajian ini dipilih menerusi pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Seramai 72 orang remaja delinkuen (36 orang Kumpulan Rawatan dan 36 orang dalam Kumpulan Kawalan) dari Sekolah Tunas Bakti dan Asrama Akhlak di Terengganu terlibat dalam kajian ini. Kumpulan Rawatan akan menerima Modul Psikospiritual manakala Kumpulan Kawalan akan mengikuti aktiviti institusi seperti biasa.

Set soal Selidik yang terdiri daripada soalan maklumat demografi dan instrumen *Spiritual Well-Being Scale (SWBS)* oleh Paloutzian dan Ellison (1982) digunakan dalam kajian ini. Soal Selidik *Spiritual Well-Being Scale (SWBS)* sebelum dan selepas modul psikospiritual dijalankan kepada remaja delinkuen bagi mengukur kesejahteraan spiritual mereka. Instrumen kesejahteraan spiritual oleh Paloutzian dan Ellison (1982) iaitu *Spiritual Well-Being Scale (SWBS)* terdiri daripada 20-item dengan skala Likert enam mata – bermula dari sangat tidak setuju (1) kepada sangat setuju (6). *SWBS* terdiri daripada dua sub skala, satu yang mewakili dimensi menegak (kesejahteraan agama, *RWB*) sebanyak 10 item, dan satu yang mewakili dimensi mendatar (kesejahteraan eksistensial, *EWB*), sebanyak 10 item (Syed Sohail, Noor Harun, Nor Radziah & Nor Ehsaniah, 2009). Secara asasnya *SWBS* ini bertujuan untuk menilai persepsi subjektif seseorang individu terhadap kualiti hidup mereka yang berkaitan dengan spiritualiti (Moberg & Brusek, 1978; Moberg, 1979).

Modul Psikospiritual merupakan sebuah modul yang dibangunkan pengkaji menggunakan pendekatan Model *ADDIE* yang diasaskan oleh Rosset (1987). Intervensi Modul Psikospiritual ini dilakukan seminggu sekali selama 12 minggu berturut-turut. Pada dasarnya, Modul Psikospiritual terdiri daripada empat sub-modul iaitu Terapi Celik Hati, Tujuan Hidup, Erti Kecemerlangan Hidup, dan Sikap Positif Penentu Kejayaan.

Bagi Terapi Celik Hati, fokus utama bab ini adalah untuk membantu subjek kajian agar dapat merasai kesedaran bertuhan dan penyucian jiwa. Subjek kajian dapat membezakan antara ‘tahu’ dan ‘sedar’, empat dimensi pandangan manusia dan melihat hidup dari kaca mata hati. Aktiviti dalam sub-modul ini melatih subjek kajian untuk muhasabah diri, melapangkan dada dan menenangkan diri melalui zikir istighfar dan penghayatan skrip meditasi supaya dapat menerima input-input yang akan diberikan dengan mudah. Berkenaan sub-modul Tujuan Hidup pula, fokus utama bab ini adalah untuk membantu subjek kajian membina kesedaran terhadap visi dan misi hidup yang jelas. Orang yang mempunyai misi hidup yang tepat dan jelas, umpama peluru berpandu yang akan sentiasa menuju matlamat yang spesifik. Selain itu, subjek kajian juga diingatkan bahawa dalam Islam, visi dan misi hidup Islam ialah untuk mendapat kebaikan di dunia, mendapat kebaikan di akhirat serta selamat daripada azab api neraka. Seterusnya, sub-modul Erti Kecemerlangan Hidup membantu subjek kajian agar dapat mengetahui dan memahami cara untuk mengenal diri sebagai hamba yang bertanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT. Di samping itu, subjek kajian memahami bahawa orang berjaya adalah orang yang jiwanya bersih daripada segala sifat negatif. Akhir sekali, sub-modul Sikap Positif Penentu Kejayaan adalah untuk membantu subjek kajian agar dapat membina keyakinan diri dalam membuat perubahan sikap serta memperoleh kefahaman tentang harga diri. Subjek kajian diberi pemahaman bahawa jika kita dapat menguasai diri kita, kita akan dapat menguasai dunia. Keyakinan pada diri sangat berkait dengan keyakinan kepada Allah. Jika hilang keyakinan diri, umat Islam akan kalah dan mengalah kepada musuh luaran dan dalaman.

Statistik deskriptif frekuensi dan peratusan digunakan untuk menerangkan profil subjek kajian manakala statistik deskriptif min digunakan untuk melihat kesan intervensi Modul Psikospiritual terhadap tahap kesejahteraan spiritual remaja delinkuen selepas menerima intervensi Modul Psikospiritual.

3. Dapatan Kajian

Jadual 1 menunjukkan dapatan bagi maklumat demografi peserta kajian yang merangkumi maklumat jantina, umur, status perkahwinan, dan juga pendidikan.

Jadual 1: Maklumat Demografi Peserta Kajian

Latar belakang	Responden	Kump. Rawatan		Kump. Kawalan		Keseluruhan	
		Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%
Jantina	Lelaki	10	27.8	10	27.8	20	27.8
	Perempuan	26	72.2	26	72.2	52	72.2
Umur	21 tahun ke atas	0	0	0	0	0	0
	18-20 tahun	6	16.7	6	16.7	12	16.7
	15-17 tahun	30	83.3	30	83.3	60	83.3
Status perkahwinan	Bujang	33	91.7	35	97.2	68	94.4
	Berkahwin	2	5.6	1	2.8	3	4.2
	Berceraai	1	2.8	0	0	1	1.4
Pendidikan	Universiti	0	0	0	0	0	0
	Men. atas	15	41.7	13	36.1	28	38.9
	Men. bawah	16	44.4	15	41.7	31	43.1
	Sek. rendah	3	8.3	4	11.1	7	9.7
	Tidak bersekolah	2	5.6	4	11.1	6	8.3

Ujian-t sampel berpasangan dijalankan bagi melihat kesan Modul Psikospiritual terhadap kesejahteraan spiritual remaja delinkuen. Terdapat peningkatan yang signifikan dalam skor kesejahteraan spiritual daripada ujian pra ($M=4.03$, $SD=.603$) kepada ($M=4.41$, $SD=.635$), $t(71)=4.94$, $p=.000$ kesejahteraan spiritual remaja delinkuen selepas Modul Psikospiritual diberikan. Peningkatan sebanyak .380 menunjukkan selepas Modul psikospiritual diberikan kesejahteraan spiritual remaja delinkuen dalam kumpulan rawatan meningkat. Jadual 2 menunjukkan perbandingan sebelum dan selepas Modul Psikospiritual diberikan.

Jadual 2: Perbandingan Kesejahteraan Spiritual Remaja Delinkuen Sebelum dan Selepas menerima Modul Psikospiritual

	Perbezaan Pasangan					t	dk	Sig. (2-tailed)
	Min	Sisihan Piawai	Ralat Piawai	95% Keyakinan Bawah	95% Keyakinan Atas			
Sebelum-Selepas	.38056	.65335	.07700	.53409	.22703	4.942	71	.000

Ujian-t sampel tidak bersandar (*independent sample t-test*) digunakan untuk membandingkan perbezaan min skor Kesejahteraan spiritual antara kumpulan rawatan yang menerima Modul Psikospiritual dan kumpulan kawalan yang tidak menerima Modul

Psikospiritual. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan min skor kesejahteraan spiritual antara kumpulan rawatan ($M=4.75$, $SD=.51$) dan kumpulan kawalan ($M=4.06$, $SD=.55$); $t(70)=5.38$, $p=0.00$. Nilai perbezaan min 0.69 antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor kesejahteraan spiritual antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan remaja delinkuen. Ini menunjukkan kumpulan rawatan yang menerima Modul Psikospiritual meningkat lebih tinggi skor kesejahteraan spiritual berbanding kumpulan kawalan yang tidak menerima modul psikospiritual. Jadual 3 menunjukkan perbezaan kesejahteraan spiritual antara kumpulan rawatan dan juga kumpulan kawalan

Jadual 3: Perbezaan Kesejahteraan Spiritual Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan

Kumpulan	t	dk	Sig. (2-tailed)	Perbezaan Min
Perbezaan Kesejahteraan Spiritual	5.38	70	.000	.68

4. Perbincangan

Dapatan kajian pengkaji menunjukkan bahawa intervensi menggunakan modul psikospiritual telah berjaya meningkatkan tahap kesejahteraan spiritual peserta kajian secara signifikan. Dapatan ini selaras dengan penemuan kajian Masuriyati dan Che Zarrina (2016) dan Muhammad Ulil (2015) di mana mereka mendapati sememangnya penerapan elemen spiritual seperti solat dan zikir membawa kepada kesejahteraan spiritual dalam diri seseorang. Seseorang yang memasukkan spiritual ke dalam kehidupannya. Spiritual Islam juga memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti pertimbangan moral remaja. Kajian oleh Mohd Yusof (2013) yang mana dalam kajian beliau mendapati kecenderungan kepercayaan, intrinsik dan ekstrinsik spiritual Islam mempengaruhi pertimbangan moral pelajar. Kajian oleh Haris, Adnan dan Ali (2015) pula mendapati selepas menerima Terapi Psikospiritual Islam, remaja delinkuen mendapat kesedaran minda, kesedaran diri dan muhasabah diri.

Melihat kepada kandungan modul psikospiritual sendiri telah menyumbang kepada peningkatan tahap kesejahteraan spiritual melalui aktiviti-aktiviti yang ada dalam modul. Kesan kepada pemboleh ubah kesejahteraan spiritual dicapai menerusi aktiviti dalam Terapi Celik Hati di mana di dalam aktiviti ini, remaja delinkuen melalui pengalaman untuk merasai kesedaran bertuhan dan penyucian jiwa. Remaja delinkuen akan dapat membezakan antara 'tahu' dan 'sedar', empat dimensi pandangan manusia dan melihat hidup dari kaca mata hati. Aktiviti Terapi Penyucian Jiwa melatih remaja delinkuen untuk muhasabah diri, melapangkan dada dan menenangkan diri melalui zikir istighfar dan penghayatan skrip meditasi. Selain itu, aktiviti ini membantu remaja delinkuen agar dapat menerima hakikat pengalaman hidup yang menyimpang. Alunan zikir munajat kepada Allah SWT dapat mendekatkan diri dan hati kepada Allah SWT seterusnya membina keyakinan dalam hati dan jiwa (Abdul Manam, 2010). Selain itu, melalui aktiviti ini, subjek kajian dipandu untuk merasa yakin bahawa setiap apa yang berlaku dalam kehidupan tidak sia-sia dan mempunyai hikmahnya yang tersendiri (Mohammad Kazim, 2014).

5. Kesimpulan

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk menguji keberkesanan Modul Psikospiritual dalam meningkatkan tahap kesejahteraan spiritual para remaja delinkuen. Modul Psikospiritual bertindak sebagai intervensi bagi membantu remaja delinkuen yang memiliki tahap kesejahteraan spiritual yang rendah berhadapan dengan masalah tersebut secara berinovatif dan kreatif dan seterusnya membantu mereka meningkatkan kembali tahap kesejahteraan spiritual tersebut. Melalui modul psikospiritual kesejahteraan spiritual remaja delinkuen dapat ditingkatkan dan diharap mereka ini tidak kembali terjebak dalam permasalahan sosial. Kajian ini hanya dijalankan ke atas 72 orang remaja delinkuen daripada dua institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat di negeri Terengganu sahaj. Oleh itu, dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan. Diharap melalui maklumat dan dapatan kajian ini dapat membantu mereka yang bekerja dengan remaja delinkuen untuk mendapat solusi terbaik dalam membantu remaja tersebut.

6. Pengiktirafan

Pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah Kuala Terengganu/ Kuala Nerus (JKKD) kerana membiayai sebahagian besar daripada kajian ini. Selain itu, terima kasih juga kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana membenarkan kajian ini dijalankan di institusi mereka.

7. Rujukan

- Abdul Manam bin Mohamad al-Merbawi. (2010). Zikir Dan Peranannya Dalam Pembentukan Sakhshiah. *Program Bicara Sufi @ Balai Kediaman Rasmi YTM Undang Luak Johol*.
- Awang Drahdman, A. N., Abidin Lubis, M. A., & Hamzah, M. I. (2017). Amalan kerohanian membentuk disiplin pelajar. *Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*.
- Azzyati Mohd Nazim, Fariza, Md. Sham, & Salasiah Hanin Hamjah. (2013). Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. *Islamiyyat*, 35 (1), 111 – 119.
- Campbell, D.T., & Stanley, J.C. (1963). *Experiment and Quasi Experiment Design for Research*. London: Houghton Mifflin Comp. Boston.
- Choon, L. J., Hasbullah, M., Ahmad, S. & Ling, W. S. (2013). Parental attachment, peer attachment, and delinquency among adolescents in Selangor, Malaysia. *Asian Social Science*, 9(15), 214-219.
- Creswell, J.W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, & Mixed Methods Approaches. (4thEd)*. Los Angeles: SAGE Publications.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen (2012). Memperkasakan Pengetahuan Agama dalam kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal of Social Science and Humanities*, 7(1), 84-93.
- Ghadampoor, E., Mirdrikvand, F. & Moradzadeh, S. (2019). Comparing spiritual intelligence, spiritual well-being and social support in delinquent and normal teenagers. *Islam and Health Journal* 4(2), 14-24.

- Haris, R., Adnan, M. & Ali, M. (2015). The Psycho-Spiritual Therapy on Mental Illness: An Islamic Approach, International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship, Langkawi, Malaysia, pp. 79-89.
- Husain, Z., Mohamad, S. M. A. A., & Sakari, N. S. M. (2017). Sharing Life Experiences of Teenage Girl Delinquent through Life Map Sketch. *Asian Social Sciences*, 13(5), 68-75.
- Intan Farhana Saparudin & Siti Nabilah Che Soh. (2018). Elemen psiko-spiritual dalam menangani delinkuensi remaja. *Human Sustainability Procedia (INSAN2018E-Proceeding)* Johor Bahru, Johor, Malaysia, 7 –8November2018
- Kermen, U. (2018). Spiritual Interventions in Juvenile Delinquency. *Spiritual Psychology and Counseling* 3(1).
- Lukoff, D., Turner, & Lu, F. G.(1993). Transpersonal psychology research review: Psychospiritual dimensions of healing. *Journal of Transpersonal Psychology*, 25 (1), 11-28.
- Masuriyati Yahya & Che Zarrina Sa'ari. (2016). Program Zikrullah Dan Aktiviti Kerohanian Asas Pembangunan Spiritual Golongan Belia Perlu Perhatian (PP) Dalam Merealisasikan Gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam. *Global Journal Al-Thaqafah*, 6 (1).
- Moberg, D.O. (1979). The Development of Social Indicators for Quality of Life Research. *Sociology of Religion*, 40 (1), 11-26.
- Moberg, D.O. & Brusek, P.M. (1978). Spiritual well-being: A neglected subject in quality of life research. *Social Indicators Research*, 5 (1), 303-323.
- Mohammad Kazim Elias. (2014). Cukup Hanya Allah. Selangor: Grup Buku Karangraf Sdn. Bhd.
- Mohd Nuri Mustafa, Turiman Suandi, Azimi Hj Hamzah, Ismi Arif Ismail. (2016). Fenomena Delinkuen Dalam Kalangan Remaja Yang Berisiko Di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Luar Bandar Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 25 (2).
- Mohd Yusoff, M. Z. (2013). Contributing factors in moral judgment among Islamic religious school students. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 9, 81-109.
- Muhammad Japar & Purwati. (2014). Religiosity, Spirituality and Adolescents' Self-Adjustment. *International Education Studies*, 7(10), 66.
- Muhammad Ulil Arham. (2015). *Terapi spiritual melalui dzikir pada santri gangguan jiwa di PP. Al-Qodir Cangkringan Yogyakarta*. Tesis Sarjana: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Nasser Mustapha. (2013). Religion and delinquency in Trinidad & Tobago. *International Journal of Social Science & Education*, 4 (1).
- Nur Adliza Mohd Fuad, Atia Faranjwa Roslan, Revathi Ramachandran & Aminah Ayob. (2018). Tingkah Laku Devian Pelajar di Sebuah Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. *Himpunan Kajian Kes Dilema Kanak-kanak di Malaysia, NCDRC, UPSI*.
- Paloutzian, R. F., & Ellison, C.W. (1982). Loneliness, spiritual well-being, and quality of life. In L. A. Peplau & D. Perlman (Eds.), *Loneliness: A sourcebook of current theory, research and therapy*. New York: Wiley.



- Scales, P.C., Syvertsen, A.K., Benson, P.L., Roehlkepartain, E.C., & Sesma Jr., A. (2014). Relation of spiritual development to youth health and well-being: Evidence from a global study. *Springer Science & Business Media Dordrecht*.
- Siti Aishah Yahya & Sidar Nasrum. (2016). Tahap penghayatan agama dalam kalangan remaja hamil tanpa nikah. *Jurnal Sains Sosial, 1*: 17-38
- Syed Sohail Imam, Noor Harun Abdul Karim, Nor Radziah Jusoh, & Nor Ehsaniah Mamad. (2009). Malay Version of Spiritual Well-Being Scale: Is Malay Spiritual Well-being Scale a Psychometrically Sound Instrument?. *The Journal of Behavioral Science, 4* (1), 59-69.
- Zainab Mahirah Ismail & Nik Suryani Nik Abdul Rahman. (2012). School Violence and Juvenile Delinquency in Malaysia: A Comparative Analysis between Western Perspectives and Islamic Perspectives. *International Conference on Education and Educational Psychology (ICEEPSY 2012), Procedia - Social and Behavioral Sciences 69*, 1512 – 1521.
- Zakariah Md. Sam. (2013). Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Edisi 2.